

# Sembilan sertai Kursus Asas Reka Bentuk Grafik

**BINTULU:** Sembilan peserta mengikuti Kursus Asas Reka Bentuk Grafik anjuran Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) yang berlangsung selama dua hari di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, penganjuran kursus tersebut adalah bertujuan untuk memperkenal para peserta kepada prinsip-prinsip asas dalam reka bentuk grafik.

"Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas dalam reka bentuk grafik dengan keupayaan era digital terkini yang mampu untuk mencipta bahan visual yang menarik dan berkesan bukan sahaja untuk tujuan pemasaran, tetapi juga untuk komunikasi dalaman dalam organisasi UPMKB."

"Kursus ini juga bertujuan untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam diri peserta yang mampu untuk dikembangkan," katanya.

Tambah kenyataan itu lagi, dorongan kepada peserta untuk berfikir di luar kotak dan men-

cari cara-cara baharu untuk menyampaikan mesej secara visual mampu untuk meningkatkan kemahiran komunikasi visual para peserta, yang merupakan elemen penting dalam dunia profesional dan akademik.

"Penekanan kepada asas utama grafik diutamakan iaitu aspek komposisi, pemilihan warna, penggunaan tipografi, dan penempatan gambar serta infografik yang sesuai digunakan untuk penyampaian yang lebih berkesan."

"Asas kepada pembuatan slaid korporat juga diberi pendedahan cara menyusun maklumat dalam slaid dengan cara yang profesional dan jelas."

"Kepentingan menggunakan elemen grafik penting bagi memperkuat mesej dalam persembahan korporat," ujarnya.

Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk melakukan aktiviti praktikal di mana mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan yang baru diperoleh untuk menghasilkan poster serta slaid korporat yang menarik dan berinfomatif.